

Headline	587 laporan menyamar dalam talian sehingga Jun lalu		
MediaTitle	Utusan Malaysia		
Date	13 Nov 2014	Color	Black/white
Section	Dlm Negeri	Circulation	178,211
Page No	12	Readership	534,633
Language	Malay	ArticleSize	186 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 2,424
Frequency	Daily	PR Value	RM 7,271



587 laporan menyamar dalam talian sehingga Jun lalu

IPOH 12 Nov. - Pihak polis telah menerima sebanyak 587 laporan berhubung penyamaran secara dalam talian yang membabitkan kerugian sehingga RM14.9 juta dalam tempoh enam bulan pertama tahun ini.

Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Datuk Dr. Abu Bakar Mohamad Diah berkata, kes penipuan berkaitan kad kredit pula mencatatkan kerugian RM845,000 dalam tempoh sama.

Katanya, tahun lalu sahaja, sebanyak 10,636 kes keselamatan siber telah dilaporkan.

"Kejadian serangan siber semakin kerap berlaku ketika ini. Meskipun pelbagai usaha bagi meningkatkan tahap keselamatan siber telah dilakukan, tetapi pada masa sama, kumpulan penggoda juga sering meningkatkan kemahiran teknikal mereka.

"Situasinya sama seperti kes jenayah, walaupun jumlah anggota polis bertambah, kawalan ditingkatkan tetapi penjenayah juga meningkatkan penggunaan senjata serta kaedah baharu. Oleh sebab itu, kita perlukan kerjasama daripada semua pihak untuk menangani



Kejadian serangan siber semakin kerap berlaku ketika ini. Meskipun pelbagai usaha bagi meningkatkan tahap keselamatan siber telah dilakukan, tetapi pada masa sama, kumpulan penggoda juga sering meningkatkan kemahiran teknikal mereka."

ABU BAKAR MOHAMAD DIAH
Timbalan Menteri Sains,
Teknologi dan Inovasi

permasalahan ini," katanya.

Beliau berkata demikian dalam sidang akhbar selepas menghadiri Anugerah, Persidangan, dan Pameran CyberSecurity Malaysia (CSM-ace) 2014 di sini hari ini.

Majlis perasmian CSM-ace disempurnakan oleh Menteri Besar, Datuk Seri Dr. Zambry Abd. Kadir.

Menurut Abu Bakar, CSM berfungsi sebagai 'makmal kimia' kepada kes-kes jenayah siber dan juga teknologi maklumat pada hari ini.

"CSM mempunyai peralatan yang cukup untuk membuat penyelidikan berkaitan jenayah siber dan juga teknologi maklumat. Malah, pihak polis, mahkamah dan pemain industri seperti bank juga datang kepada kami untuk tujuan forensik," jelas beliau.

Dalam pada itu, Abu Bakar memberitahu, kementeriannya akan menganjurkan bazar inovasi awal tahun depan bertujuan merencanakan lagi pengkomersialan produk inovasi yang berada pada kadar lapan ke 10 peratus sahaja.

"Bazar inovasi yang dianjurkan menyasarkan peningkatan 360 produk berimpak tinggi sehingga 2020. Selain itu, program tersebut juga diharap mampu meningkatkan kadar pengkomersialan produk inovasi negara antara 10 ke 15 peratus setanding dengan negara-negara maju," ujar beliau.